

Headline	NGO serai Program Semarak Ramadan di Baling		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	18	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	389 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,358
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,074



NGO serai Program Semarak Ramadan di Baling

Kuala Lumpur: Seramai 10 ahli Sahabat Ulul Amri Malaysia akan menyertai Program Semarak Ramadan 2014 anjuran BH dan Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) di Kampung Sera, Baling, Kedah, Sabtu ini.

Mereka mewakili pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkenaan untuk berganding bahu, membantu 30 sukarelawan Bank Islam dan 30 anggota kariah Masjid Tunku Abdul Rahman Kampung Sera menjayakan program terabit seperti melapah lembu serta memasak gulai kawah dan bubur lambuk sebagai jamuan berbuka.

Ketua Pemuda Sahabat Ulul Amri Malaysia, Syed Muhammad Imran, berkata pihaknya tertarik dengan program kemasyarakatan yang diadakan setiap Ramadan itu kerana ia mampu memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat menerusi

aktiviti gotong-royong.

"Pada masa yang sama, sukarelawan kami akan turut berkempen menambah jumlah ahli Sahabat Ulul Amri Malaysia. Kami adalah NGO yang mengutamakan perpaduan serta silaturahim dan kini mempunyai 2,000 anggota," katanya selepas membuat kunjungan hormat ke atas Pengarang Kumpulan BH, Mahfar Ali di Balai Berita, di sini.

Yang turut hadir, Pengurus Projek Khas BH, Mohd Hazrul Rabu dan Eksekutif Projek Khas BH, Mohammad Rafiz Abu Bakar.

Syed Muhammad berkata, pihaknya yang akan turut terbabit dalam program sama di Ipoh, Kelantan dan Gombak di Selangor, juga menaja 5,000 naskhah akhbar BH untuk diagihkan kepada orang ramai sepanjang se-

hari program di Baling berlangsung.

Sumbang RM20,000

Sementara itu, Mohd Hazrul berkata, Bank Islam turut bermurah hati menyumbang RM20,000 untuk program di Baling yang akan diguna bagi membiayai pembelian pelbagai bahan keperluan seperti rempah ratus selain barangan basah dan kering untuk juadah berbuka.

"Bank Islam juga menyumbang RM15,000 wang zakat perniagaannya kepada 115 asnaf, terdiri daripada 37 anak yatim, 23 orang kurang upaya serta 55 penduduk miskin termasuk 30 pelajar. Sumbangan lain termasuk pakaian, jubah serta hamper untuk memeriahkan lagi program yang akan turut dihadiri anak yatim dari Asrama Aman Baling," katanya.



Mahfar (tengah) dan Syed Muhammad (dua dari kanan) menunjukkan logo Semarak Ramadan selepas membuat kunjungan hormat ke Balai Berita. (FOTO MUHAMMAD HISYAMUDDIN ISHAK/BH)